



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 25/2010 (20 hingga 26 Jun 2010)

Bagi tempoh 20 hingga 26 Jun 2010, sejumlah 938 kes demam denggi dengan 4 kematian telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Pada minggu lepas terdapat sedikit penurunan iaitu sebanyak 4 kes jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya iaitu 942 kes (Lampiran A). Sebanyak tujuh (7) buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Kelantan (24 kes), Melaka (18 kes), Perak (12 kes), Pahang (9 kes), Selangor (7 kes), Kedah (4 kes) dan Sarawak (3 kes).

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 23,189 kes dengan 78 kematian. Walaupun terdapat penurunan kes sebanyak 5% berbanding 24,543 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009, namun kes mingguan yang dilaporkan sejak 6 minggu yang lepas pada tahun ini, lebih tinggi berbanding pada tahun sebelumnya dan melebihi paras median mingguan untuk 5 tahun. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 26% atau 16 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 78 kematian berbanding 62 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Empat (4) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas iaitu 2 dari Sarawak dan masing-masing 1 kematian dari Kedah dan Melaka.

Kesemua kematian ini berlaku di kawasan wabak denggi dan di kawasan-kawasan yang tidak bersih serta mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 3.3 hingga 7.7%. Ini menyebabkan risiko jangkitan demam denggi di kawasan tersebut adalah sangat tinggi

Peningkatan kes denggi sejak beberapa minggu lepas juga memberi implikasi peningkatan jumlah kawasan *hot spots*, iaitu daripada 24 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 27 kawasan *hot spots* pada minggu lepas. Lokaliti-lokaliti *hot spots* tersebut melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Pahang, Sarawak dan N.Sembilan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 9 daripada kawasan ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya 4 dari 27 lokaliti atau 15% *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D).

Sebagai usaha meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan demam denggi, pihak Kementerian Kesihatan telah menjalankan 1,598 aktiviti ceramah dan sebanyak 2,115,459 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara. Namun begitu, malangnya tindakan dari orang ramai masih kurang memuaskan dengan hanya 872 (13%) aktiviti gotong-royong dicatatkan daripada sejumlah 6,682 aktiviti yang disasarkan di seluruh negara.

Berdasarkan pemantauan oleh pihak Kementerian Kesihatan pada sepanjang minggu lepas, sebanyak 86% daripada bekas yang diperiksa mempunyai pembiakan nyamuk Aedes dan dijumpai di luar premis. Antara bekas-bekas utama yang dijumpai mempunyai pembiakan nyamuk Aedes adalah tin-tin kosong, tayar, bekas plastik, tangki air dan baldi plastik. Tidak dapat dinafikan penglibatan masyarakat dalam pencegahan penyakit demam denggi adalah kunci utama kepada

kejayaan membasmi penyakit ini. Oleh itu adalah amat penting bagi masyarakat memainkan peranan dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes dikawasan kediaman mereka. Penglibatan ketua masyarakat juga amat diperlukan dalam menggerakkan masyarakat untuk membersihkan kawasan dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes di persekitaran kediaman masing-masing.

Bermula pada 13 Jun 2010, terdapat peningkatan kes Chikungunya secara mendadak iaitu daripada 13 kes daripada minggu sebelumnya kepada 105 kes pada minggu lepas. Negeri yang menyumbang kepada peningkatan kepada kes ini adalah dari Sabah iaitu sebanyak 104 kes dilaporkan dari negeri tersebut. Jumlah lokaliti wabak di Sabah juga meningkat dan sehingga kini terdapat 25 lokaliti wabak yang telah dilaporkan iaitu kesemuanya di Daerah Tuaran. Tiada kematian dilaporkan yang disebabkan oleh Chikungunya. Jabatan Kesihatan Daerah Tuaran telah meningkatkan aktiviti kawalan termasuk semburan kabus. Namun begitu masyarakat setempat juga perlu bekerjasama dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes yang merupakan nyamuk pembawa bagi jangkitan ini.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

28 Jun 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2010  
(20 hingga 26 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2009
		Minggu 25 (20 – 26 Jun 2010)	Minggu 24 (13 – 19 Jun 2010)		
1	Perlis	2	3	73	138
2	Kedah	18 (1)	14	382 (3)	503
3	P. Pinang	23	31	563 (2)	1,535
4	Perak	78	66 (1)	1,006 (4)	2,007 (1)
5	Selangor	332	325	10,318 (32)	12,562 (43)
6	WPKL & Putrajaya	74	76	2,530 (4)	2,273 (7)
7	N. Sembilan	35	65 (2)	1,137 (6)	530 (5)
8	Melaka	31 (1)	13	304 (5)	376
9	Johor	79	113 (1)	1,674 (7)	1,455 (2)
10	Pahang	53	44	681 (1)	493 (1)
11	Terengganu	13	16	442	585
12	Kelantan	64	40 (1)	709 (3)	672 (1)
13	Sarawak	60 (2)	57	2,252 (10)	877
14	Sabah	76	77	1,107 (1)	517 (2)
15	WP Labuan	0	2	11	20
	<b>Jumlah</b>	<b>938 (4)</b>	<b>942 (5)</b>	<b>23,189 (78)</b>	<b>24,543 (62)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2010  
(20 hingga 26 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 25/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 25/2009
		Minggu 25 ( 20 – 26 Jun 2010)	Minggu 24 ( 13 – 19 Jun 2010)		
1	Perlis	0	0	0	29
2	Kedah	0	0	0	762
3	P. Pinang	0	0	3	225
4	Perak	0	0	3	388
5	Selangor	0	0	23	385
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	90
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	1	4	136
10	Pahang	0	0	1	67
11	Terengganu	0	0	1	50
12	Kelantan	0	0	2	367
13	Sarawak	1	1	513	302
14	Sabah	104	11	126	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>105</b>	<b>13</b>	<b>684</b>	<b>2,836</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 25  
BAGI TAHUN 2010**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	82	132
2	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	32	76
3	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	22	67
4	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	30	61
5	SELANGOR	MPS	Rawang Integrated	11	54
6	SELANGOR	MPS	Taman Rawang Perdana Apartment Lily	13	50
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	22	45
8	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	7	42
9	SELANGOR	MPAJ	Kg Melayu Ampang ( Zon C)	12	40
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Jenaris	9	39
11	SELANGOR	Gombak	Apartment Aman 1 Desa Aman Puri	6	37
12	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA 2	11	34
13	SELANGOR	MPAJ	Pandan Perdana (Zon B)	13	30
14	SELANGOR	MBPJ	Armanee Kondo PJU 10	7	30
15	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah ( Zon C)	9	30
16	WPKL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	23	77
17	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kenanga Sunding Malam	6	37
18	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	16	62
19	JOHOR	MPPG	Rumah Pangsa Jalan Tembusu,Pasir Gudang	12	43
20	JOHOR	MPPG	Perjiranan 9 Pasir Gudang	6	43
21	JOHOR	MBJB	Kondominium Wadihana	6	33
22	JOHOR	MBJB	Taman Century	43	33
23	JOHOR	PBT	Chamek N/V	10	34
24	KELANTAN	Kota Bahru	KG. Batu 6, Sabak	13	48

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
25	PAHANG	Kuantan	Taman Siok Thong	21	36
26	SARAWAK	Daro	Kpg Masjid Lama Belawai	4	31
27	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya F3	10	31

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 25  
BAGI TAHUN 2010  
(20 hingga 26 Jun 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SARAWAK	Daro	Kg. Masjid Lama Belewai	9.3	14
2	JOHOR	MBJB	Taman Century	6.5	6
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Jenaris	5.9	9
4	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	5.3	8
5	WP KL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kenanga Sunding Malam	5.0	5
6	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya F3	2.5	3
7	JOHOR	MPPG	Rumah Pangsa Jalan Tembusu, Pasir Gudang	2.4	2
8	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	1.8	5
9	KELANTAN	Kota Bahru	Kg. Batu 6, Sabak	1.6	2